



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI WANITA 2021: WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN

**Putrajaya, 8 Mac** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah berjaya menyempurnakan majlis **Sambutan Hari Wanita 2021**. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia dan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian.

**"Wanita Bangkit Mendepani Cabaran"** diangkat sebagai tema sambutan pada tahun ini khusus bagi meniup semangat juang wanita untuk bangkit dalam mengharungi cabaran hidup dan meneruskan pencapaian dan sumbangan wanita di dalam pelbagai bidang lebih-lebih lagi ketika negara berhadapan dengan Pandemik Covid-19.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dalam ucapan perasmianya telah mengumumkan inisiatif yang turut memberi manfaat kepada wanita Malaysia dalam usaha memastikan wanita dapat terus menerima faedah, menyertai dan menyumbang dalam pembangunan negara.

Menurut beliau, Kerajaan akan menyediakan insentif yang dikenali sebagai **MyKasih Kapital** iaitu suntikan modal perniagaan contohnya dalam bidang e-dagang ataupun *dropship* dengan modal maksimum sebanyak RM1,000 kepada sekurang-kurangnya 2,000 orang penerima yang berkelayakan.

Bagi menangani keperluan bimbingan serta sokongan psikososial di lapangan, Kerajaan akan menubuhkan **Skuad WAJA** yang dibentuk melalui penyertaan komuniti wanita. Ia turut memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah bagi menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita serta memperkasakan pengetahuan umum mengenai hak-hak wanita, termasuklah kanak-kanak perempuan, warga emas wanita dan OKU wanita.

Selain itu, YAB Tan Sri Perdana Menteri turut menyeru agar semua pihak memberi penekanan terhadap konsep tanggungjawab bersama (*shared responsibility*) dalam kalangan pasangan suami isteri atau ibu bapa khususnya dalam pembahagian tugas menguruskan rumah tangga. Perkara ini akan membantu mengurangkan beban kaum

wanita yang lazimnya menghabiskan lebih banyak masa menguruskan rumah tangga dan secara tidak langsung, menyediakan persekitaran yang lebih kondusif bagi membolehkan wanita kekal dalam sektor pekerjaan serta meningkatkan produktiviti kerja. "Saya menyarankan agar Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Sumber Manusia melihat kesesuaian **pemerluasan kemudahan Bekerja Dari Rumah (BDR) untuk sektor awam dan swasta** dengan gaji penuh bagi penjagaan ahli keluarga yang uzur dan sakit, penjagaan anak yang baru dilahirkan iaitu setelah isteri tamat cuti bersalin dan wanita atau lelaki yang kematian pasangan bagi membolehkan mereka menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kematian yang lazimnya memerlukan masa yang agak lama untuk diselesaikan" katanya dalam ucapan perasmian tersebut.

YB Datuk Seri Rina Mohd Harun pula dalam ucapan aluannya telah menyatakan komitmen KPWKM untuk meningkatkan kerjasama erat dengan lebih ramai pihak dalam aspek perlindungan wanita. Ini termasuklah memperkasakan penglibatan komuniti dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menyokong keperluan rakyat daripada sudut psikososial. Selain itu KPWKM juga berusaha meningkatkan peluang menjana pendapatan dan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran khususnya bagi wanita B40 dengan menyediakan akses kepada peluang pekerjaan. KPWKM juga akan memperkuatkkan jaringan komunikasi dan penyampaian maklumat antara Kementerian dengan kumpulan sasar sehingga ke peringkat akar umbi melalui kolaborasi dengan lebih ramai NGO berkaitan wanita.

Bagi memastikan pemerkasaan wanita terus menjadi agenda penting negara, Model Pemerkasaan Wanita akan menjadi pemacu pembangunan wanita di negara ini. Semua pihak perlu bersama-sama menggembung tenaga dalam menjayakan agenda ini agar golongan wanita dapat diperkasakan secara komprehensif dan inklusif.

Hari Wanita 2021 yang berlangsung dalam norma baharu telah memperkenalkan anugerah khas kepada wanita iaitu Ikon Karisma, Ikon Insani, Ikon Aspirasi, Ikon Inspirasi dan Ikon Seri Waja. Anugerah ini mengiktiraf wanita yang berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan seterusnya bangkit mengubah kehidupan diri malah memberi kesan positif kepada komuniti di sekitarnya.

###

Disediakan oleh	:	<b>Unit Komunikasi Korporat</b> <b>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)</b> Jabatan No. 55, Persiaran Perdana Presint 4, PUTRAJAYA
No.Telefon	:	03-8323 1088
Tarikh dikeluarkan	:	8 Mac 2021